

PENUTUP

Pendahuluan

Dalam bab ini penulis akan menyimpulkan semua perbahasan terhadap topik-topik yang telah dibincangkan dalam kesemua bab sebelum ini di bawah tajuk “Amalan Perubatan Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa’: Satu Penilaian Hukum”. Seterusnya penulis juga mengemukakan beberapa saranan sama ada kepada ahli Darussyifa’ khususnya dan kepada masyarakat umumnya, dengan harapan ia akan menjadikan Darussyifa’ diiktiraf dalam menabur bakti kepada orang ramai dan bebas serta kebal daripada tohmahan dan fitnah serta masyarakat dapat menerima Darussyifa’ tanpa ada keraguan. Akhirnya penulis akan menutup parbahasan ini melalui penilaian hukum syarak terhadap kaedah pengubatan Islam yang menjadi amalan Darussyifa’.

Kesimpulan dan Rumusan

Melihat kepada sambutan masyarakat serta berkembangnya pusat-pusat rawatan Darussyifa’ cawangan, sudah cukup untuk membolehkan kita mengiktiraf bahawa ia adalah sebuah pusat rawatan Islam yang terkenal di negara dan kaedah rawatan Islamnya telah dapat diterima umum. Setelah melakukan kajian serta pemerhatian penulis mengira ia adalah sebuah pusat rawatan Islam yang sepenuhnya mengamalkan kaedah perubatan yang tidak terkeluar daripada kaedah syarak, bahkan ia dilaksana berlandaskan panduan sunnah, sÊrah dan pengamatan ÍukamÉ’ yang baik agamanya.

Berdasarkan penilaian terhadap sesi pengajaran Dato' Haron Din Semasa sesi pembelajaran di Darussyifa' penulis berpendapat satu semangat yang menjadi penghayatan di Darussyifa' yang selalu diperingatkan olehnya ialah berlumba-lumba melakukan kebajikan dan kebaikan dalam apa keadaan dan bidang. Sebagai contoh dari sudut ibadah, apabila melakukan dhikir atau selawat seharusnya kita berlumba-lumba mengucapkan yang terbaik sebagaimana yang telah dicontohi oleh sahabat. Dalam soal bersosial kita disuruh juga berlumba melakukan kebaikan seperti meringankan beban kesakitan yang ditanggung oleh sesama manusia dengan beretika dan ikhlas. Pada sudut akidah pula kita disaran agar saling berlumba melakukan kebaikan dengan membebas saudara seislam daripada anasir khurafat dan syirik terutama yang agak luas berkisar dalam ruang pengubatan tradisional yang masih diamalkan khususnya di Tanah Melayu. Sesungguhnya berlumba-lumba dan bersegera melakukan kebaikan adalah dituntut oleh agama, manakala saranan untuk saling mendahului dalam mengerjakan perkara-perkara makruf dan menghapuskan kemungkaran ini juga adalah kepada mereka yang beriman. Sebagaimana Allah s.w.t. telah berfirman.

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

وُسْرِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ (114)

al-Maidah (3): 114

Terjemahannya:

Mereka beriman kepada Allah dan hari penghabisan (hari akhirat), mereka menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar dan bersegera (berlumba-lumba) kepada (mengerjakan) pelbagai kebajikan; mereka itu (yang sedemikian sifatnya) termasuk orang-orang yang saleh.

Pada hakikatnya semangat ini (saling melakukan kebajikan dan perkara makruf serta menghapuskan kemungkaran), sama disadari atau tidak ia telah terpahat kepada ahli Darussyifa', iaitu bertanggungjawab dalam menyahut permintaan para pesakit tanpa perasaan jemu melalui cara berdoa kepada Allah dengan menyandarkan keyakinan dan keikhlasan kepada-Nya, demi menunaikan kebaikan tanpa mengharapkan apa-apa balasan dan membebaskan masyarakat daripada perlakuan keji dalam dunia perubatan tradisional.

Manakala perselisihan terhadap Selawat Syifa' dan Selawat Tafrijiyyah bukanlah satu persoalan besar sehingga boleh membawa kepada tidak harmoni hubungan sesama muslim, kerana berbeza pegangan dan pandangan masing-masing ada hujah serta dalil-dalil yang boleh diterima kesemuanya. Kalaupun selawat syifa' sudah tidak sesuai untuk dijadikan amalan lantaran kesalahannya, maka bukanlah satu permasalahan besar kepada dunia perubatan Islam kerana ia masih boleh diganti dengan mana-mana selawat yang lain sama ada yang dicontohi oleh Rasulullah s.a.w. atau yang *ma'thËr* daripada ulama dan tidak bercanggah dengan syarak. Lagipun antara sebab kesembuhan penyakit boleh terhasil dengan sebab berkat amalan selawat kepada Rasulullah s.a.w.

Persoalannya jika bacaan selawat tersebut adalah satu amalan yang tidak bercanggah dengan syarak, maka masyarakat akan kehilangan besar satu amalan selawat yang cukup sesuai untuk dijadikan amalan harian khususnya dalam khazanah amalan pengobatan Islam kerana kandungannya menjurus kepada merawat penyakit serta mengekalkan kesihatan.

Cadangan

Sebagai saranannya adalah perlu ada kesungguhan daripada semua pihak untuk menyelamatkan kepincangan akidah yang masih dan semakin menjadi di kalangan orang Melayu Islam. Antaranya ialah perlu wujud satu institusi pengubatan Islam atau pengamal pengubatan Islam yang dikenali juga pada istilah orang kampung atau orang Melayu sebagai bomoh untuk membebaskan umat daripada kongkongan khurafat dan kesyirikan. Kepada mereka yang mengamal kaedah pengubatan tradisional yang berasaskan kepada penggunaan ayat-ayat al-Quran, hadis atau doa seharusnya dikembangkan secara meluas dan terbuka kepada orang ramai untuk mempelajarinya dan dibuka seluas ruang untuk dikaji secara ilmiah, sebagaimana yang dicontohi Darussyifa'.

Seharusnya disediakan juga saluran khusus di saluran perdana siaran televisyen oleh pihak kerajaan, terutamanya Kementerian Penerangan, juga para penerbit-penerbit dan bukan hanya sedikit ruang di saluran swasta (kerana masih ramai rakyat yang tidak memiliki saluran swasta) kepada para pengamal pengubatan Islam yang benar-benar berasaskan prinsip *al-Ùibb al-NabawÊ* atau *al-Ùibb al-IslÊmÊ* untuk berbicara kepada masyarakat umum yang tidak berkemungkinan dapat mengikuti kelas-kelas pengajian tentangnya di institusi-institusi tertentu. Dengan memberi ruang rencana atau ruang berbicara kepada tokoh-tokoh yang hadam dalam bidang tersebut seperti Dato' Dr Haron Din, Dato' Ismail Kamus dan tokoh-tokoh lain supaya masyarakat umum tahu ke mana harus mereka tuju. Malah pihak yang bertanggungjawab harus insaf, jangan kerana kekebalan dan kedangkalan berpolitik maka perbezaan fahaman menyebabkan ilmu yang

bermanfaat yang dianugerahkan Allah kepada beberapa hamba-Nya yang dipilih terpaksa dikorbankan dan kekhurafatan, kesyirikan umat dibiarkan.

Seterusnya perlu juga ada usaha menghasilkan filem-filem perubatan tradisional yang berunsurkan pengubatan Islam yang benar-benar berasaskan ajaran Islam, bukan menokok tambah yang benar dengan yang syirik dan ia perlu diberi ruang serta publisiti yang meluas.

Adalah satu pendekatan yang baik apabila ilmu perubatan tradisional yang berteraskan al-`Uibb al-IslÉmÊ atau al-`Uibb al-NabawÊ digabungkan dengan sistem perubatan moden agar ia lebih berkesan dan bermanfaat. Untuk itu pihak yang berkuasa harus memberi ruang kepada mana-mana ahli Darussyifa' yang pencen atau yang sanggup memberi sumbangan sebagai kakitangan pembantu di hospital-hospital dengan imbuhan bayaran sekadarnya sebagai kakitangan awam. Untuk itu juga ahli Darussyifa' tersebut mestilah diakui dahulu kemampuannya oleh gurunya atau yang berotoriti dalam ilmu pengubata Darussyifa' dan pihak pentadbiran doktor yang beriman. Ini kerana pada dasarnya hospital adalah satu institusi yang diisi dengan orang sakit, dan penyakit manusia terdiri daripada unsur fizikal dan spritual. Oleh itu kedua-dua kaedah pengubatan ini penting untuk merawat kedua-dua unsur penyakit tersebut. Sekiranya ruang ini dibuka tidak mustahil satu ketika kelak ia menjadi kenyataan, kerana dengan berkembangnya penubuhan Darussyifa' cawangan di setiap negeri malah sudah menyeberang ke Pulau Borneo maka ia adalah program yang benar-benar menguntungkan.

Adalah harus disadari bahawa setinggi mana ilmu kedokteran yang berunsur alopati atau kemajuan sains pasti tidak dapat merawat dan menyelamatkan manusia daripada sebarang penyakit yang menyerang segenap ruang fizikal. Walaupun begitu dalam Islam masih ada unsur rohani yang perlu dirawat sampai ke nafas yang terakhir, kerana syaitan tidak pernah memberi ruang kepada seluruh anak Adam akan kesihatan jiwanya dengan aqidah yang benar dan penyakit ini tidak mampu dikesan dengan kemajuan sains. Maka itu Rasulullah s.a.w. berpesan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abû Sa‘îd al-Khudrî dengan sabdanya:

عن النبي صلى الله عليه وسلم لَقِّنُوا مَوْتَاكُمْ لِآلِهَةٍ إِلَّا لِلَّهِ¹

Terjemahannya:

Daripada Nabi s.a.w. ajarkan kepada (saudaramu) yang hampir mati dengan (kalimah) “Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah”.

Sebab itulah pada perspektif aqidah, perubatan merupakan persoalan penting yang sewajarnya difahami sebaik-baiknya oleh setiap Muslim, kerana pada dasarnya hanya Allah menentukan sesuatu di dalam kehidupan yang fana ini. Allah jua penentu masa sakit dan sembuh di kalangan makhluk-Nya. Sungguhpun begitu manusia dikehendaki berikhtiar dan berusaha untuk mengelak dan merawat penyakit dengan meletakkan garis panduan hanya kepada Allah tempat meminta pertolongan, menyandar harapan, manakala memohon kepada selain daripada-Nya adalah dilarang kerana perbuatan tersebut terpalit dengan unsur kesyirikan. Justeru Allah s.w.t. berpesan sebagaimana firman-Nya.

¹ Mu‘ammad bin ‘Isâ‘ Abû ‘Isâ‘ al-Tirmidhî (t.t), op. cit., no. hadith 976, h. 258.

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنَ الظَّالِمِينَ (106)

YĒnus (10): 106

Terjemahannya:

Dan janganlah kamu (wahai Muhammad) menyembah atau memuja apa-apa yang tidak mendatangkan manfaat dan tidak (pula) memberi mudarat kepadamu selain Allah; sebab jika kamu berbuat (yang demikian) itu. Maka sesungguhnya kamu (pada ketika itu) termasuk orang-orang yang berlaku zalim (yang dimaksudkan dengan berlaku zalim ialah kezaliman terhadap diri sendiri kerana perbuatan syirik terhadap Allah).

Oleh itu penyelesaian sebarang masalah umat termasuk soal perubahan hendaklah didominasi oleh prinsip yang berlandaskan hukum-hukum dalam Islam (agar terhindar dari kekotoran syirik dan tidak pula terlalu memuja sains sehingga terhijab kehebatan al-Quran), ini perlu difahami oleh setiap pemimpin negara dan orang awam kerana agama Islamlah yang mengatasi segalanya termasuk sains. Sesungguhnya sains dalam Islam hanyalah alat mencantikkan agama dan mengelokkan kehidupan.

Seandainya penubuhan Darussyifa' ini lahir dengan satu misi yang cukup jelas dan besar iaitu untuk meringankan tekanan masalah kesihatan umat, untuk membantu melepaskan hajat mereka dalam membina kesihatan jasmani dan menyelamatkan rohani umat Islam dengan cara membanteras segala unsur kesyirikan yang terdapat dalam pengamalan perubatan tradisional. Maka dengan jumlah ahli yang ada dan boleh dikatakan berada di seluruh pelusuk negara, bersikap mengambil tanggungjawab untuk menghidupkannya dengan lebih efektif agar ia sentiasa dan terus subur bagi mengeluarkan hasil yang amat bermanfaat kepada umat khususnya di Malaysia, kerana bahana khurafat dan syirik tidak pernah surut untuk melemas dan menenggelamkan

manusia Islam dan penyakit ini telah meresap ke dalam segenap ruang kehidupan umat, termasuklah umat Melayu Islam di Malaysia.

Sesungguhnya pembersihan aqidah umat daripada serangan segala nilai syirik sepatutnya dijadikan objektif lebih utama dalam agenda pemimpin sesebuah Negara yang mengaku sebagai Negara Islam, malah ia juga hendaklah ditangani oleh semua manusia yang mengaku Islam, lebih-lebih lagi di Malaysia (yang mengaku sebagai Negara Islam) di mana Rajanya adalah Melayu Islam, Perdana Menteriya juga adalah Melayu Islam, Timbalan Perdana Menteriya adalah Melayu Islam, Yang Berhormatnya ramai yang Melayu Islam.

Perlu juga disedari bahawa kerja membanteras segala unsur kesyirikan sama ada kecil atau besar merupakan kerja para Rasul dan mereka juga merupakan pemimpin kepada seluruh umat masing-masing. Justeru penulis berpandangan itulah prinsip tersirat yang terdapat di Darussyifa' sama ada disedari atau tidak oleh para ahlinya. Iaitu mensucikan aqidah masyarakat awam yang masih mentah fahaman aqidahnya dari sudut perubatan tradisional.

Manakala bagi mereka yang telah mewakafkan diri untuk menyumbang ke arah kebaikan dengan meletakkan diri sebagai keluarga Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa' perlu waspada terhadap kebimbangan yang selalu diperingatkan oleh Tuan Gurunya akan jangkitan penyakit menuntut ilmu yang terpisah daripada prinsip

marlatiLlah, lantaran tewas dengan keinginan nafsu seperti mengejar populariti, terkeluar dari ruang ikhlas dan yang seumpamanya, sebagaimana sabda Nabi s.a.w.

عن كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ طَلَبَ الْعِلْمَ لِيُجَارِيَ بِهِ
الْعُلَمَاءَ أَوْ لِيُمَارِيَ بِهِ السُّفَهَاءَ أَوْ يُكَابِرَ بِهِ الْعُلَمَاءَ أَوْ يَصْرِفَ بِهِ وُجُوهَ النَّاسِ إِلَيْهِ أَدْخَلَهُ
اللَّهُ النَّارَ²

Terjemahannya:

Sesiapa yang menuntut ilmu agar dikenali sebagai ulama atau untuk mendebat orang-orang bodoh, atau untuk menyombong diri terhadap para ulama atau untuk mencari perhatian orang lain (populariti). Pasti Allah akan memasukkannya ke neraka.

Akibat daripada penyakit ini apabila ia meresap ke dalam diri perawat, maka kadang-kadang akan menyebabkan hilangnya pertimbangan semasa menjalankan rawatan, kerana tanpa disedari pada pandangan zahir perawat berasa bahawa dia mampu menghilangkan penyakit, khususnya penyakit gangguan. Justeru leka melayan karenah pesakit sehingga solat wajib hampir terluput waktu. Tanpa disedari ada berlaku juga di kalangan ahli percampuran ilmu pengubatan Islam Darussyifa' dengan cara atau ilmu pengubatan lain yang tidak berapa selari atau berlainan dengan dasar amalan dan kaedah Darussyifa'. Namun begitu pada perkiraan penulis, bukanlah salah untuk menggabungkan kaedah pengubatan Islam Darussyifa' dengan mana-mana kaedah pengubatan lain, tetapi biarlah ianya sama-sama berpaksikan di atas landasan syarak. Oleh itu warga Darussyifa' harus berhati-hati jangan sampai tercebur ke dalam mereka yang makin banyak ilmunya, tetapi tidak ada petunjuk (daripada Allah) tidaklah dia makin hampir kepada Allah, malah semakin jauh daripada-Nya.

² JalÉl al-DÊn bin AbÊ Bakr al-ØuyËËË (2002), *op. cit.*, no. Hadith 8840, h. 534.

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ada menggambarkan kebimbangan terhadap umatnya melalui sabdanya yang diriwayatkan ShaddÉd bin ʿAus:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخْخَفُ عَلَى
أُمَّتِي إِلَّا شِرَاكُ بِاللَّهِ أَمَا إِيَّيْ لَسْتُ أَقُولُ يَعْبُدُونَ شَمْسًا وَلَا قَمَرًا وَلَا وَثَنًا وَلَكِنْ أَعْمَالًا
لِعَيْرِ اللَّهِ وَشَهْوَةً خَفِيَّةً³

Terjemahannya:

Sesungguhnya yang paling aku bimbang akan menimpa umatku adalah syirik kepada Allah. Aku tidak mengatakan mereka itu menyembah matahari, bulan atau berhala, akan tetapi melakukan amal yang tidak ikhlas, bukan untuk menuntut keredhaan Allah, sebaliknya untuk memenuhi (keinginan) syahwat yang samar.

Melihat kepada pengajaran *ÍadÉth - ÍadÉth* di atas, jelas bahawa keinginan nafsu yang tidak terkawal akan mencacatkan keikhlasan seseorang dan tanpa sedar bahawa nilai imannya telah tercalar serta menghilangkan keredaan di sisi Allah. Sesungguhnya ini adalah sebahaya-bahaya perangkap.

Seperkara lagi yang perlu diketahui ahli Darussyifa' ialah kelebihan yang mereka miliki dalam ilmu pengubatan sebagaimana yang penulis naqalkan daripada pandangan syeikh Muhyiddin Ibn al-ʿArabi melalui kitabnya yang termasyhur *Mawaqi' al-Nujum*

³ AbÉ ʿAbd Allah bin AÍmad al-AnÍErÉ al-QurÍubÉ (1420H/2000M). *al-JÉmi' Li AÍkÉm al-Qur'Én*, j. 3, Beirut, Lubnan: DÉR al-Kutub al-Ílmiyyah, h. 119. (Hadith ini dikemukakan oleh al-QurÍubÉ dalam mentafsirkan ayat ke 36, surah al-NisÉ).

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا^ط وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنْبِ
وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ^{٣٦} إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا (36)

Lihat dalam *Musnad al-ØaÍÉbah FÉ al-Kutub al-Tis'ah*. BÉb al-Musnad al-Zubair al-ʿAwwÉm. J. 46, h. 184.

bahawa hubungan hikmah dengan lapan anggota badan manusia sangat erat sekali, di mana kelapan-lapan anggota tubuh itu dibebani tugas untuk melaksanakan tugas mentaati Allah s.w.t., anggota tersebut ialah mata, telinga, lisan, tangan, perut, kemaluan, kaki dan hati. Setiap anggota badan tersebut mempunyai tugas masing-masing dan apabila dilaksanakan tugas beribadah dan mentaati Allah dengan baik serta dijauhi setiap anggota tersebut daripada melanggar suruhan-Nya, maka Allah pasti akan memberi karamah kepada setiap anggota tersebut. Sebagai contoh karamah yang dianugerahkan kepada tangan yang diguna untuk taat perintah Allah ialah mampu menyembuhkan penyakit apabila diusap dengannya, lebih-lebih lagi hati yang sentiasa taat dan ingati Allah s.w.t. dengan ikhlas akan dikurniakan bermacam karamah yang besar-besar serta dibukakan bermacam rahsia. Semua anugerah ini adalah sebagai perakuan daripada Allah bahawa mereka mendapat hidayah daripada Allah s.w.t.. Justeru adalah lebih wajar setiap ahli Darussyifa' meningkatkan amalan dirinya dengan bentuk-bentuk ibadah lain sama ada ibadah khusus atau ibadah umum sebagai tambahan agar lebih taqarrub dengan Allah.

Manakala perbincangan mengenai Bacaan Asas Sepuluh Pertama yang merupakan amalan teras kaedah pengubatan di Darussyifa' pula adalah lebih baik ia dibincang oleh mereka yang hadam dan mendalami selok belok ilmu tersebut secara mendalam agar kesucian ilmunya tidak tercemar, tidak hilang dan tidak terabai kemanfaatannya serta kepentingannya kepada masyarakat dan tidak mendatangkan kecelaruan terhadap kefahaman orang ramai. Sebagaimana pesanan al-SyÉlibÊ dengan berkata “tidak dibenarkan menatap (membaca) buku ini sama ada bagi tujuan membuat tambahan atau

mengambil faedah (daripadanya) sehingga diminum sepuas-puasnya ilmu-ilmu syariat (sama ada ilmu) usul-usulnya (teras) dan furġ'nya, manqġl atau ma'qġl". Begitulah dengan ilmu pengubatan Darussyifa' adalah tidak wajar jika segala kandungan ilmunya dibahas dengan hanya satu-satu disiplin ilmu sahaja, kerana sepanjang penelitian penulis, di dalamnya terkandung disiplin ilmu akidah, syariah, ġariqat dan juga akhlak (tasawwuf) dan ini perlu kepada perbincangan atau perbahasan dengan lebih dalam dan ilmiah serta adil. Penulis juga menaqalkan kata-kata al-Imġm al-Ghazġlġ melalui kitab besarnya *ġyġ' 'Ulġm al-Dġn*, yang telah memberi satu perbandingan terhadap mereka yang ingin membincang atau membahas tentang kelebihan dan nilai ketinggian ilmu yang menjadi sifat kepada ilmu dengan nukilan "Sesungguhnya telah sesat jalan orang yang ingin mengetahui bahawa si Zaid itu seorang ahli falsafah atau bukan, sedangkan dia belum lagi mengetahui erti dan hakikat ilmu falsafah itu sendiri". Kiasan ini sangat jelas kepada mereka yang ingin berbicara mengenai apa jua persoalan dari sudut ilmiah, seeloknya difahami dan dihayati perkara tersebut terlebih dahulu. Dengan kata lain sebagaimana pesanan Dr. Ismail Bin Ismail kepada penulis semasa sesi temubual dijalankan katanya elok sesuatu itu dibicara oleh mereka yang ahlinya.

Terutama perbahasan mengenai kedudukan selawat syifa' dan selawat tafrijiyyah di Darussyifa', ia diamal dan dibaca adalah untuk mengambil keberkatan dalam merawat penyakit. Sedangkan Allah mencipta di kalangan haiwan dan tumbuhan ada di antaranya menjadi penawar untuk menyembuhkan penyakit fizikal manusia, apatah lagi dengan selawat kepada Rasulullah s.a.w. yang sememangnya mengandungi berkat. Justeru dalam merawat penyakit, mengubatinya dengan cara berselawat kepada Rasulullah s.a.w. pasti

akan memberi kesan yang lebih baik dan segera lantaran kebaikan serta keberkatan yang ada pada diri Rasulullah s.a.w. dan selawat itu sendiri yang telah dianugerahkan oleh Allah.

Manakala persoalan nilai keberkatan pada diri seseorang bukanlah mampu diperdebat dengan logik akal. Lagipun tidak pernah dijumpai penulis ada pengakuan di kalangan *al-'Orif biLlah* yang dia mempunyai berkat. Sesungguhnya berkat, rahmat dan nur bukanlah benda yang dapat diraba atau dilihat, tetapi ia bersifat metafizik, kerana Allah menyalurkan nur dan rahmat-Nya melalui cahaya (Malaikat) kepada Rasul-Nya, manakala kita pula mendapat hubungan langsung melalui saluran bacaan selawat kepada Rasul atau melalui mendekati diri dengan orang-orang soleh yang masih hidup kerana sesungguhnya tempat singgahan atau perhentian rahmat dan nur Allah s.w.t. adalah dengan berselawat kepada Rasulullah s.a.w. dan tekun berada di sisi mereka yang soleh.

Oleh itu untuk melihat betapa pentingnya keberkatan terhadap setiap insan penulis paparkan sebuah kisah Nabi Ayyub a.s berdasarkan *ÍadÊth* yang diriwayat oleh Abu Hurairah r.a. yang mana Nabi s.a.w. bersabda.

عن أَبُو هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَا أَيُّوبُ يَغْتَسِلُ غُرِيَانًا فَخَرَّ عَلَيْهِ رَجُلٌ حَرَادٍ مِنْ ذَهَبٍ فَجَعَلَ يَخْتِي فِي ثَوْبِهِ، فَنَادَاهُ رَبُّهُ يَا أَيُّوبُ أَلَمْ أَكُنْ أَعْنَيْتُكَ عَمَّا تَرَى؟ قَالَ بَلَى يَا رَبِّ وَلَكِنْ لَا غِنَى لِي عَنْ بَرَكَتِكَ⁴

⁴ AbÈ 'Abd AllÈh Mu'ammad bin Isma'Èl al-BukhÈrÈ (1987/1407H). *op. cit.*, BÈb al-Ghusl, j. 1, h. 107. Lihat juga dalam AbÈ Mu'ammad al-*usain bin Mas'ud al-BaghÈwÈ* (1997/1417H). *Ma'Èlim al-TanzÈl FÈ al-Qur'Èn*. J. 5, DÈr Uayyibah Li al-Nashr Wa al-TauzÈ', h. 347. (xadith ini beliau kemukakan dalam mentafsirkan ayat 84 dari surah al-AnbiyÈ).

فَأَسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرٍّ وَآتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَذَكَرَى لِلْعَالَمِينَ (84)

Terjemahannya:

Pada suatu ketika Nabi AyyĒb sedang mandi bertelanjang, tiba-tiba jatuh kepadanya belalang emas lalu (diambil) dibalutnya dengan pakaiannya. Maka berfirman Tuhan (Allah) kepadanya. Wahai AyyĒb bukankah Aku telah memberimu kekayaan secukupnya dan engkau juga sudah tidak memerlukan belalang itu lagi. Berkatalah AyyĒb, benar Tuhanku! tetapi demi kekuasaan Engkau, saya masih memerlukan berkat daripada Engkau.

Maka persoalannya, kenapa selawat syifa' dan selawat tafrijiyyah yang diperbesarkan perbahasannya, sedangkan selawat yang terdapat dalam khutbah jumaat yang bermacam bentuk bacaan oleh para khatib di masjid-masjid dalam negara didiamkan, sedangkan ia adalah rukun kepada khutbah. Jelaslah berselawat dengan tujuan untuk memuliakan Rasulullah s.a.w. adalah satu kewajaran asalkan tidak terlibat dengan unsur-unsur yang jelas dilarang syarak.

Sesungguhnya merawat sebarang penyakit dengan ayat-ayat al-Quran adalah penawar yang amat berkesan apatah lagi pada asalnya membaca al-Quran adalah suatu ibadah yang sangat dituntut ke atas umat Islam, tetapi adalah lebih wajar pembacaan al-Quran itu dipanjangkan kepada menganalisa, mengkaji, menyelidik dan mencari rahsia ilmu pengetahuan yang ada di dalamnya kemudian diaplikasikan hasil melaluinya dalam apa jua bentuk yang berkaitan dengan kehidupan yang akhirnya dapat memajukan dunia ini dan khasnya memajukan umat Islam dan seterusnya mengeluarkan umat Islam daripada belenggu kelemahan dan penghinaan.

Sebagai kalam Allah yang mengandungi makna atau pengertian-pengertian yang mendalam dan luas di samping mempunyai katentuan-ketentuan serta rahsia-rahsia yang

tersembunyi. Ayat-ayat Allah ini bukan sahaja untuk pedoman hidup tetapi juga untuk pelaksanaan hidup setiap insan yang menggantungkan dirinya setiap saat kepada Yang Maha Esa. Di sini menampakkan bahawa beramal dengan al-Quran itu adalah berbagai bentuk mengikut kemampuan yang memang berbeza di kalangan umat Muhammad s.a.w. lantaran Allah menganugerahkan bakat, kepintaran, kecerdikan, kecerdasan dan ilmu yang dimiliki, cara menjalani kehidupan harian, dan ruang persekitaran juga adalah tidak sama.

Sebagaimana yang telah diprogramkan oleh jawatankuasa Darussyifa' yang mewajibkan setiap ahlinya belajar al-Quran secara bertajwid dan menjalankan ujian berasaskan kaedah tajwid adalah suatu yang memberansangkan. Justeru setiap ahli perlu peka dengan program tersebut dan harus disambut dengan yang terbaik serta tidak terasa terpaksa, kerana pembacaan ayat-ayat, *ÍadÊth*, doa yang tidak betul fasahah dan tajwid akan menyebabkan pengertian sebenar akan salah dan ini adalah satu ke'aiban bagi Darussyifa' di mata awam yang mengetahui siapa pengasasnya serta dipanggil pula dengan gelaran ustaz. Justeru setiap ahli Darussyifa' perlu mengikat setia dirinya dengan al-Quran, perlu dijadikan amalan harian kerana ia adalah penawar besar dalam merawat sebarang penyakit.

Adalah disaran juga kepada mana-mana pusat rawatan Islam yang ada supaya menjadikan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa' sebagai tempat rujukan, perbincangan dan perkongsian ilmu. Mudah-mudahan pertumbuhan pusat-pusat

rawatan Islam akan mendapat sambutan di kalangan umat, kesucian ilmu perubatan tinggalkan Nabi s.a.w. dan *Salaf al-Øoleh* terjamin dan akidah saudara seislam selamat.

4.4. Penutup

Walau apa pun perbincangan dan perbahasan mengenai amalan pengubatan Islam Persatuan Kebajikan Dan Pengubatan Islam Darussyifa' pada hukum syarak ianya jelas sah dan tidak tersentuh dengan perinsip mengada-mengadakan yang baru dalam agama sehingga membawa kepada *bid'ah ÌalÉlah*. Begitu juga dengan mereka yang tidak hadam dengan amalan ilmu pengubatan Islam Darussyifa' yang mana dalam amalannya amat berkait rapat dengan selok belok ilmu 'aqÊdah, sharÊ'ah, ĩarÊqah dan talawwuf adalah kurang wajar dan tidak layak untuk menghukum amalan di Darussyifa' tanpa bermunaqashah dengan mereka yang arif tentangnya.

